

07/03/1998

Ketelusan urus kewangan tarik balik pelabur

KUALA NERANG, Jumaat - Pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai dua bank komersil dan dua syarikat kewangan yang mungkin memerlukan suntikan modal, diyakini mampu menarik balik keyakinan pelabur asing terhadap pasaran kewangan negara.

Ia berdasarkan ketelusan kerajaan dalam mengurus sistem kewangan negara tanpa menyembunyikan hakikat yang sedang dihadapi institusi kewangan tempatan, sekali gus mengembalikan keyakinan berkenaan.

Bagaimanapun, masalah terbabit bukan berpunca daripada sistem pengurusan bank yang lemah, sebaliknya ia adalah akibat penurunan nilai mata wang yang berpunca daripada permainan spekulasi.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, berkata masalah yang dihadapi keempat-empat institusi kewangan itu dianggap kecil berbanding jumlah keseluruhan bank komersil dan syarikat kewangan tempatan.

"Ini bukan masalah ketidakmampuan mereka (institusi kewangan) membayar semula hutang tetapi ia adalah masalah kekurangan modal.

"Bank komersil dan syarikat kewangan kita adalah kumpulan yang sihat dan kuat...hanya bank itu yang memerlukan peningkatan modal dan apabila modal disuntik, semuanya akan kembali berjalan dengan baik," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pendeposit dalam institusi kewangan berkenaan diminta tidak mengambil langkah tergesa-gesa mengeluarkan wang simpanan mereka kerana ia bakal menimbulkan kekecohan dalam sistem perbankan tempatan.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kejohanan Sepak Takraw Perilly's bagi merebut Piala Datuk Dr Affifuddin Omar anjuran Kelab Padang Terap di Dewan Tunku Putra, di sini hari ini.

Kelmarin, akhbar melaporkan Sime Bank Bhd (Sime Bank) dan Bank Bumiputra Malaysia Bhd (BBMB), masing-masing mungkin memerlukan suntikan modal minimum RM1.2 bilion dan RM750 juta.

Dua syarikat kewangan, iaitu Abrar Finance Bhd dan Cempaka Finance Bhd, masing-masing juga mungkin memerlukan suntikan modal RM7 juta dan RM25 juta.

Hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan akan menyuntik modal baru kepada BBMB jika perlu, bagi memastikannya terus hidup dan mampu melaksanakan proses pemulihan semula.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan juga bersedia membantu bank lain yang bermasalah bagi membolehkan mereka melaksanakan proses pemulihan sendiri.

(END)